Menetapkan Batasan

Tidak salah untuk mempunyai kawan yang berlawanan jantina. Tetapi masalah akan timbul jika kamu tidak bersedia untuk berdating tetapi masih buat orang berasa bahawa kamu berminat terhadapnya. Bagaimanakah kamu dapat mencegah situasi ini?

Kuncinya adalah menetapkan batasan. Untuk mengetahui cara berbuat demikian, bacalah pengalaman berikut dan jawablah soalan-soalan yang tertera.

KISAH BENAR

“Gadis itu sangka saya ubah fikiran”

Seorang pemuda bernama Jason berkawan rapat dengan seorang gadis. “Kami sudah berkata bahawa kami hanya kawan biasa,” kata Jason. Tetapi dia asyik membalas mesej gadis itu dan selalu berhubung dengannya. Jason mengakui, “Tindakan saya ini salah. Gadis itu sangka saya ubah fikiran dan saya sedang pikat dia.”

Meskipun mereka telah berbincang tentang hubungan mereka, mengapakah gadis itu masih sangka bahawa Jason sedang memikatnya?

_____

_____

_____

_____

Apakah batasan yang dapat ditetapkan oleh Jason agar gadis itu *tidak salah faham* bahawa Jason berminat terhadapnya?

_____

_____

_____

_____

“Jika seorang gadis mula ‘like’ semua gambar saya di rangkaian sosial, saya akan sangka bahawa dia berminat terhadap saya.”—Steven.

www.jw.org/ms © 2016 Watch Tower Bible and Tract Society of Pennsylvania

KISAH BENAR

“Dia kata saya mainkan perasaannya”

Annette mula berbual-bual dengan seorang pemuda. Dia mengakui bahawa mereka terlalu kerap berhubung. Katanya, “Saya anggap dia kawan baik saya. Itulah sebabnya kami banyak meluangkan masa bersama. Saya memang tidak menaruh perasaan terhadapnya, dan saya sangka dia juga tidak menaruh minat terhadap saya. Tapi kemudiannya dia tanya sama ada saya mahu jadi teman wanitanya. Saya kata bahawa saya anggap dia sebagai kawan biasa saja. Dia kecewa setelah mendengarnya. Dia kata saya mainkan perasaannya, dan saya sengaja buat begitu.”

Patutkah pemuda itu berfikir bahawa Annette menaruh perasaan terhadapnya? Jelaskan sebabnya kamu berfikir begitu.

_____

_____

_____

_____

Apakah batasan yang dapat ditetapkan oleh Annette agar situasi ini tidak terjadi?

_____

_____

_____

_____

“Ada ungkapan bahasa Inggeris yang berbunyi, ‘Jika sesuatu dibiarkan, hal itu akan berterusan.’ Kamu boleh membuat orang lain salah faham jika kamu terlalu rapat dengannya. Tapi, jika orang itu cuba mendekati kamu dan kamu membiarkannya, tindakan ini juga salah.”—Karen.

www.jw.org/ms © 2016 Watch Tower Bible and Tract Society of Pennsylvania

KISAH BENAR

“Kami selalu bersama”

Rachel sangka bahawa seorang pemuda berminat terhadapnya. “Semua orang nampak bahawa kami selalu bersama,” katanya. “Dia juga pernah meletakkan tangannya pada bahu saya selama beberapa minit. Saya sangka dia menaruh perasaan terhadap saya. Tapi apabila saya tanya dia tentang hubungan kami, dia kata bahawa kami berkawan saja!”

Patutkah Rachel berfikir bahawa pemuda itu berminat terhadapnya? Jelaskan sebabnya kamu berfikir begitu.

Apakah batasan yang dapat ditetapkan oleh pemuda itu agar situasi ini tidak terjadi?

“Kita memang suka kalau ada orang yang berminat terhadap kita, dan kita mungkin membiarkan situasi itu berterusan. Tapi kita patut bersikap matang dan mengutamakan kepentingan orang lain supaya tidak melukai perasaannya.”—Brittany.

www.jw.org/ms © 2016 Watch Tower Bible and Tract Society of Pennsylvania